| UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA | **KRITERIA DANA SOSIO EKONOMI JOHOR MELALUI PUSAT JARINGAN KOMUNITI DAN INDUSTRI (SEJ@CCIN)** | Kelulusan : |
|---|---|---|
| | | Tarikh Kelulusan: |
| | | Tarikh Pindaan: |
| | | No Pindaan: |
| | | Muka surat 1 **daripada 5** |

| PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|
| **OBJEKTIF** | Menghasilkan projek pemindahan ilmu/teknologi yang mempunyai nilai komersial serta dapat membantu meningkatkan tahap sosio-ekonomi masyarakat Negeri Johor dengan kerjasama daripada Jabatan/agensi kerajaan, Industri dan komuniti setempat. |
| **SYARAT UMUM PERMOHONAN** | 1. Permohonan adalah terbuka kepada projek-projek yang sedia ada atau projek-projek yang sedang berjalan yang mempunyai nilai untuk diketengahkan kepada komuniti.<br>2. Program perlu melibatkan **TIGA (3) entiti** iaitu (1) Jabatan/agensi kerajaan Negeri Johor dan (2) komuniti setempat atau (3) Industri.<br>3. Program mestilah menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi komuniti negeri Johor.<br>4. Projek yang dijalankan perlu mempunyai unsur pemindahan teknologi atau pemindahan ilmu kepada komuniti terlibat dan perlu mematuhi Polisi Pengurusan Libat Sama Komuniti Dan Hubungan Industri UTM.<br>5. Pemilihan projek perlulah berdasarkan keperluan semasa di negeri Johor selari dengan dokumen Pelan Strategik Negeri Johor yang digunapakai oleh kerajaan Negeri Johor (Pelan Pembangunan Mampan Johor) atau isu yang dibangkitkan oleh komuniti.<br>6. Setiap projek perlu mempunyai empat kriteria utama projek berimpak iaitu:<br>I. HIGH IMPACT (BERIMPAK TINGGI)<br>Program/Projek yang dicadangkan memberi kesan/keberhasilan yang tinggi kepada kumpulan sasar.<br>II. LOW COST (KOS RENDAH)<br>Kos untuk melaksanakan projek/program adalah lebih rendah berbanding dengan penggunaan kaedah konvensional/tradisional yang lazim diamalkan.<br>III. RAPID EXECUTION (PELAKSANAAN PANTAS)<br>Projek/Program boleh dilaksanakan dengan kadar segera dan impak daripada projek/program boleh dicapai dengan pantas<br>IV. SUSTAINABLE (MAPAN)<br>Projek/Program mampu dilaksanakan secara berterusan oleh kumpulan sasar |
| **KELAYAKAN PERMOHONAN** | 1. Ketua Program adalah staf akademik TETAP dan warganegara Malaysia<br>2. Setiap projek perlu mempunyai ahli sekurang-kurangnya satu (1) orang staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana (PPP).<br>3. Ketua Projek hanya boleh menerajui SATU (1) projek sahaja. |
| **TEMPOH** | 1. Tempoh projek adalah **18 bulan** merangkumi 6 bulan pelaksanaan dan 12 bulan pemantauan.<br>2. Setiap projek hanya dibenarkan memohon perlanjutan tempoh sehingga maksimum 3 bulan sekiranya perlu. |

| | |
|---|---|
| **AMAUN** | 1. Jumlah maksima peruntukan yang boleh diluluskan untuk setiap proposal adalah tidak melebihi RM50,000.00.<br>2. Agihan perbelanjaan dana adalah digalakkan 60 peratus bagi kos pelaksanaan aktiviti komuniti manakala 40 peratus untuk kos pengurusan dan pemantauan seperti perjalanan dan penginapan.<br>3. Perbelanjaan adalah mengikut capping dalam v-siri. |
| **OUTPUT** | Output projek ini adalah seperti berikut:<br>1. Laporan akhir<br>2. Projek KTP bertaraf 3-5 Bintang<br>3. Rakan kolaborasi minima 1 industri dan 1 Jabatan / Agensi kerajaan<br>4. Minima 1 LOI/MOU/MOA<br>5. Hebahan berita program - Newshub<br>6. Video dan gambar beresolusi tinggi |
| **LOKASI** | Program hanya boleh dijalankan di negeri Johor sahaja. |
| **PROSES PERMOHONAN** | 1. Setiap projek perlu menjalankan analisis keperluan di peringkat awal bagi menyokong perlaksanaan projek antaranya *(dokumen sokongan)*<br>*a.* Penerimaan projek oleh komuniti serta kesediaan untuk melibatkan diri, *(surat kerjasama daripada komuniti/industri)* dan<br>b. kesesuaian lokasi<br>2. Setiap permohonan perlu mengisi borang kertas kerja dan satu slaid ringkasan projek mengikut template telah disediakan yang boleh didapati di website rasmi CCIN<br>3. Proposal dengan dokumen sokongan yang lengkap perlu dikemukakan kepada Pusat Jaringan Komuniti & Industri (CCIN)<br>4. Kelulusan projek tertakluk kepada keputusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Dana JTNCPI. Permohonan yang telah berjaya akan dimaklumkan oleh CCIN<br>5. Projek yang berjaya perlu didaftarkan dengan lengkap di sistem ICESYS (https://icesys.utm.my/).<br>6. Program yang telah diluluskan diwajibkan untuk memohon penarafan bintang pada tahun aktif program. |
| **PENILAIAN PROPOSAL** | 1. Borang permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilai yang dilantik oleh CCIN<br>2. Bagi Projek yang telah disenarai pendek, satu sesi pembentangan akan diadakan.<br>3. Segala keputusan tertakluk kepada keperluan dan fokus pembangunan ekonomi dan komuniti di Johor. |
| **PELAKSANAAN PROJEK** | 1. Setiap projek perlu melaporkan perkembangan kepada CCIN setiap TIGA (3) bulan dari tarikh mula projek<br>2. Bagi laporan akhir projek, satu sesi pembentangan laporan akhir akan dilaksanakan bagi projek yang telah selesai<br>3. Setiap projek yang selesai perlu melaksanakan refleksi (post-mortem) bagi mengukur impak projek tersebut kepada komuniti. (Rujuk garis panduan penarafan bintang di website CCIN) |

**SEBARANG PERTANYAAN / MAKLUMAT TAMBAHAN SILA HUBUNGI:**

**PUSAT JARINGAN KOMUNITI DAN INDUSTRI**
Centre for Community and Industry Network (CCIN),
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

Telefon Pejabat : 07-55337819
Email rasmi: ccin@utm.my

**PROSES KERJA**



Mula
Hebahan dan tawaran
Penilaian dan Kelulusan
Pendaftaran dan Pelaksanaan
Pelaporan dan Pemantauan
Penutupan
Tamat